



LAMBAIKAN TANGAN... Musa melambaikan tangan ke arah mahasiswa baharu sebaik tiba di majlis itu.



AKU JANJI... Mahasiswa baharu melafazkan Ikrar dan Aku Janji pada majlis itu.

# K'JAAN NEGERI KOMITED MAJU PENDIDIKAN TINGGI

NST 5.9.2013 1

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
(balqis@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Kerajaan Negeri sentiasa komited dan bekerjasama dalam membantu segala usaha ke arah memajukan dan meningkatkan tahap pendidikan tinggi Negera, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Hajji Aman.

Katanya, sebagaimana yang dapat dilihat pada hari ini, sejak kewujudan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di negeri ini, pembangunan dan kemajuan negeri ini bergerak seiring demi menampung keperluan-keperluan ekonomi dan sosial pelajar.

"Implikasi positifnya juga telah memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup dan ekonomi masyarakat sekitarnya," kata Musa ketika berucap di Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baru UMS, di Dewan Can-

selor UMS, di sini, kelmarin.

Musa, yang juga Pro Canselor UMS berkata, UMS telah menjana satu transformasi pembangunan yang sangat pesat dalam tempoh yang sangat pantas di Sabah.

Sesuai dengan visi Kementerian Pelajaran untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Puasat Kecemerlangan Pengajian Tinggi di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2020, kerajaan telah membangunkan serta mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang mampu mewujudkan pusat ilmu yang unggul dan menghasilkan graduan yang berdaya saing, berinovasi serta berakhlik mulia demi menuhi keperluan negara dan antarabangsa, katanya.

Sementara itu, pelbagai pembangunan dan kemajuan telah dapat dikehendaki sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat setelah 50 tahun Sabah bersama-sama dengan Sarawak

menyertai Malaysia, katanya.

Katanya, kerajaan telah membangunkan Malaysia dengan pelbagai program serta dasar yang dapat menjamin kemajuan dan pembangunan negara, sekaligus memelihara keharmonian hidup rakyat.

"Pada hari ini, taraf hidup rakyat sudah jauh lebih baik hasil kemerdekaan dan kemajuan yang dicapai," katanya.

"Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita juga berupaya memiliki pelbagai prasarana moden bertaraf dunia untuk dinikmati oleh semua rakyat," katanya.

Katanya, kemerdekaan yang menjadi lambang kedaulatan dan keharmonian yang dikehendaki ini amat besar nilai dan ertiinya.

Justeru, Musa mengajak seluruh rakyat untuk bersama-sama menjaga dan memelihara kedaulatan dan keharmonian yang dikehendaki ini dan tidak sesekali terpengaruh dengan ana-

sir-anasir yang cuba menggugat keamanan dan kedaulatan negara.

Sementara itu, Musa juga memberi nasihat kepada 4,700 pelajar baru UMS di majlis itu supaya tidak terlalu bergantung kepada pensyarah semata-mata dan sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dalam bentuk 'Study Group' untuk saling bertukar-tukar fikiran dan menambah ilmu pengetahuan.

"Di samping itu, jadikanlah minat suka membaca sebagai budaya hidup seorang pelajar bagi memperluaskan lagi ilmu dan pengetahuan anda semua," katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UMS, Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan Universiti dan Ketua Penggarah Minggu Suai Mesra (MSM) Sesi 2013/2014, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik;